

“MUSTIKA EMBUN” MENJADI KOLEJ ISLAM PEREMPUAN




Akhirnya Kolej Islam yang dikhaskan untuk kaum ibu di Tanah Melayu telah berhasil dan sedang diselenggarakan dengan jayanya. Istana “Mustika Embun” yang telah diwakafkan oleh Almarhumah Tengku Ampuan Mariam akan menjadi bangunan kolej ini.

Gambar menunjukkan Ibu Hajar Zain binti Sulaiman sedang berucap menerangkan tujuan kolej itu dan berharap sokongan dari segenap peringkat umat Islam. Pelajaran di dalamnya ialah agama, kesihatan, urusan rumahtangga, sejarah dan lain-lain ilmu pengetahuan. Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantarnya, dan bahasa Arab akan diajar bagi mengetahui kandungan Quran dan hadis, demikian juga bahasa Inggeris bagi mempelajari pengetahuan sains.



Tiga pemudi yang telah berjaya dalam Peraduan Membaca Quran, anjuran Persatuan Kebajikan Kaum Tani, Kebun Ubi, Geylang, Singapura, baharu-baharu ini.



Bergambar kenang-kenangan pelajar-pelajar puteri dari Sekolah Agama Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien bandar Brunei, bersama-sama dengan Cikgu Abdul Rahman bin Haji Hashim (guru agama mereka). Duduk di barisan tengah itu ialah ketua-ketua pelajar dan penolong-penolongnya.